

# Segera gubal Akta Kredit Pengguna

## Usaha kerajaan lindungi kepentingan peminjam

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mahanum Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan menyegerakan penggubalan Akta Kredit Pengguna bagi melindungi kepentingan pengguna dan mengalakkan pasaran kredit yang sihat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, proses penggubalan membabitkan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pembangunan Usahawan.

Yang turut terbabit dalam kerjasama berkenaan, katanya, adalah Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) serta agensi berkaitan.

"Penggubalan akta ini akan disegerakan demi melindungi kepentingan pengguna dan mengalakkan pasaran kredit yang sihat. Akta ini penting kerana ia bertujuan memastikan pengguna kredit menerima layanan adil semasa berurusan dengan pemberi kredit."

"Tahun ini, secepat mungkin (bentang di Parlimen)," katanya berucap melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan

2019-2023 dan kemudian menjelaskannya kepada pemberita di Sasana Kijang, BNM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran; Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus dan Pejabat SC, Datuk Syed Zaid Albar.

Perdana Menteri berkata, hutang isi rumah di Malaysia pada masa ini adalah tinggi pada kadar 82.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), lebih tinggi berbanding negara dengan pendapatan perkapita tinggi.

Beliau memberi contoh, hutang isi rumah di Itali hanya pada kadar 40.3 peratus daripada KDNK negara itu, manakala Jepun pada 58.1 peratus dan Amerika Syarikat pada 76.3 peratus.

Katanya, hutang isi rumah ke atas kestabilan kewangan domestik adalah terkawal, namun wujud tanda kesukaran dalam kajangan peminjam untuk membayar balik hutang, terutama pe-

*Akta ini penting kerana ia bertujuan memastikan pengguna kredit menerima layanan adil semasa berurusan dengan pemberi kredit.*

**Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri**

minjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan dan tinggal di bandar.

"Pemerhatian ini turut disokong oleh peningkatan bilangan peminjam yang menyertai Program Pengurusan Hutang ditawarkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

"Saya difahamkan kira-kira 80 peratus peserta program ini terlalu optimistik dengan kemampuan membayar balik hutang dan menanggung kos sara hidup ketika mereka ambil keputusan untuk meminjam. Ada yang tidak fikir akan bayar hutang apabila meminjam," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, usaha meningkatkan literasi kewangan amat penting dan menjadi pelengkap kepada inisiatif penggubalan Akta Kredit Pengguna untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna kredit di Malaysia.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan penting untuk membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak supaya bebas daripada tekanan salah laju atau kesilapan urusan kewangan.

Ia juga, katanya, penting agar individu dapat mempertahankan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

"Saya harap lebih banyak institusi dan agensi lain akan turut terbabit bagi menyampaikan mesaj pendidikan kewangan secara lebih meluas ke setiap lapisan masyarakat sehingga tahap literasi kewangan rakyat dapat dipertingkatkan," katanya.



Dr Mahathir bersama Guan Eng, Nor Shamsiah dan Syed Zaid menunjukkan buku 'Malaysia National Strategy for Financial Literacy 2019-2023' pada majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di Sasana Kijang, Bank Negara, semalam.

[Foto BERNAMA]